

JAWAPAN

PELAJARAN
26

Adab Berkomunikasi

1. Bahasa: Perhubungan

Istilah: Perhubungan antara dua individu atau lebih secara langsung atau melalui perantaraan seperti emel, surat, radio dan telefon

2. (a) Tidak melalaikan daripada melakukan ibadat dan tanggungjawab seperti solat fardu
- (b) Menggunakan bahasa yang sesuai dan sopan seperti menggunakan intonasi yang sederhana ketika berkomunikasi
- (c) Berhubung pada masa dan tempat yang sesuai seperti sebelum waktu tidur
- (d) Memastikan maklumat yang disampaikan adalah sahif seperti maklumat daripada pihak yang berautoriti
- (e) Tidak menyebarkan fitnah dan membuka aib yang boleh membawa kepada perpecahan
- (f) Jadi orang yang pertama menyapa dengan memberi salam melainkan sekiranya sedang duduk atau berada dalam kumpulan
- (g) Belajar untuk memberi pujian kepada orang yang sedang bercakap dan doakan kerahmatan Allah kepadanya semasa perbualan

3. Hikmah terhadap individu:

- (a) Mendapat keredaan Allah SWT
- (b) Dipandang tinggi oleh masyarakat lain
- (c) Dapat menyelesaikan masalah dengan mudah
- (d) Melahirkan individu yang berakhhlak mulia yang dapat menjadi contoh kepada orang lain

Hikmah terhadap masyarakat:

- (a) Dapat bertukar pandangan supaya masyarakat maju dan makmur
- (b) Hidup dalam keadaan aman dan harmoni
- (c) Menimbulkan kemesraan dan mengukuhkan perpaduan
- (d) Menjauhi salah faham supaya masyarakat dapat hidup bersatu padu

4. Aktiviti murid

Bahagian E

1. (a) (i) maisuran
(ii) mengelakkan
(iii) menyelesaikan
(iv) kesahihan
- (b) Pada pendapat saya, Khairi perlu menyemak dengan tertib akan kandungan mesej yang diterima sama ada ianya sahif atau tidak. Sebarang mesej yang mengelirukan dan meragukan. Kesannya, lahirnya sifat bertanggungjawab terhadap mesej tersebut sebelum dikongsi kepada rakan yang lain. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa teliti dalam menyampaikan sebarang maklumat agar komunikasi tersebut mencapai matlamat yang ditentukan.
- (c) (i) Melahirkan individu yang berakhhlak mulia
(ii) Mendapat keredaan Allah

POWER KBAT

1. Fateh hendaklah menjaga adab berkomunikasi seperti menggunakan intonasi yang sesuai ketika berinteraksi walaupun dengan rakan yang bukan muslim. Hal ini adalah supaya mereka tidak akan memandang rendah kepada umat Islam malah akan tertarik dengan keindahan Islam yang penuh dengan kelembutan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berhikmah ketika berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa sekalipun agar imej umat Islam terjaga.
2. Mengamalkan adab berkomunikasi menurut Islam seperti memastikan maklumat yang disampaikan adalah sahif dan tepat serta bahasa yang digunakan sarat dengan hikmah dan kelembutan akan menyebabkan umat Islam senang untuk diajak bekerjasama dan mudah didekati. Oleh itu, kita hendaklah mengekalkan perpaduan dalam kalangan umat Islam dengan menjaga adab-adab berkomunikasi.
3. Pengguna media sosial harus peka bahawa perbuatan mengkongsikan aib orang lain adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak beretika. Malah, jika perkara yang dikongsi itu mengandungi unsur-unsur dosa termasuk penipuan, pembohongan dan lain-lain, maka ia juga sesuatu yang tidak wajar dilakukan. Oleh itu, kita tidak wajar menyalahgunakan teknologi yang ada ini agar ia tidak menjadi asbab untuk kita mendapat dosa.

POWER PT3

Bahagian A

1. D
2. D